



## SIARAN MEDIA

## MEDIA RELEASE

---

## LAPORAN ANGGARAN PENDUDUK TAHUN 2022

*REPORT OF THE  
POPULATION ESTIMATES 2022*



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**LAPORAN ANGGARAN PENDUDUK TAHUN 2022**

---

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) telah mengeluarkan **Laporan Anggaran Penduduk Tahun 2022** yang memberikan data mengenai anggaran jumlah penduduk dan ciri-ciri utama demografi penduduk Negara Brunei Darussalam pada tahun 2022. Pengiraan anggaran ini adalah berdasarkan data akhir Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 dan mengambilkira komponen utama perubahan penduduk iaitu kelahiran dan kematian bagi kenaikan semulajadi (*natural increase*); dan penghijrahan bersih (*net migration*). Sumber utama data bagi perkara ini adalah daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
  
2. Penemuan-penemuan utama bagi Anggaran Penduduk Tahun 2022 adalah seperti berikut:
  - Anggaran jumlah penduduk tahun 2022 bagi Negara Brunei Darussalam adalah seramai 445,400 orang berbanding 440,715 orang pada tahun 2021, iaitu meningkat sebanyak 1.1 peratus;
  
  - Jumlah penduduk pada tahun 2022 terdiri daripada 235,000 orang lelaki (52.8 peratus) dan 210,400 orang perempuan (47.2 peratus). Nisbah jantina adalah seramai 111.7 orang lelaki bagi setiap 100 orang perempuan;
  
  - Rakyat Brunei merupakan bahagian terbesar sebanyak 76.0 peratus (338,300 orang), sementara agihan Penduduk Tetap dan Penduduk Sementara adalah masing-masing sebanyak 5.8 peratus (25,800 orang) dan 18.3 peratus (81,300 orang);

- Daerah Brunei Muara mempunyai bilangan penduduk tertinggi seramai 322,400 orang (72.4 peratus) daripada jumlah penduduk. Ini diikuti oleh Daerah Belait seramai 66,100 orang (14.8 peratus), Daerah Tutong 47,400 orang (10.6 peratus) dan Daerah Temburong 9,500 orang (2.1 peratus);
  - Mengikut taburan umur, kira-kira 20.5 peratus (91,500 orang) daripada jumlah penduduk adalah berumur di bawah 15 tahun, 73.0 peratus (325,200 orang) adalah penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15-64 tahun, dan 6.4 peratus (28,700 orang) adalah penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas. Umur penengah (*median*) pada tahun 2022 adalah 32.0 tahun berbanding 31.7 tahun pada tahun 2021; dan
  - Bangsa Melayu merupakan komuniti terbesar di negara ini dengan agihan sebanyak 73.5 peratus (327,300 orang) daripada jumlah penduduk. Bangsa Cina dan lain-lain bangsa masing-masing merangkumi 9.5 peratus (42,300 orang) dan 17.0 peratus (75,800 orang) daripada jumlah penduduk.
3. Laporan Anggaran Penduduk Tahun 2022 boleh didapati melalui laman web JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang berikut:

Telefon : 2233344 (waktu pejabat)  
E-mel : [info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn)  
Laman sesawang : [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn)



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**POPULATION ESTIMATE 2022 REPORT**

---

1. *The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) has released the **Report of the Population Estimates 2022** which presents the data of population estimates and key demographic characteristics of Brunei Darussalam's population in 2022. The compilation for the estimates is based on the data of the Population and Housing Census (BPP) 2021 and incorporating the major components of population change, that is births and deaths for natural increase, and net migration. The main data source for the estimate are from the Immigration and National Registration Department, Ministry of Home Affairs.*
  
2. *The main findings for the Population Estimate 2022 are as follows:*
  - *Population estimate of Brunei Darussalam for 2022 was 445,400 persons compared to 440,715 persons in 2021, an increase of 1.1 per cent.*
  
  - *The population in 2022 was made up of 235,000 males (52.8 per cent) and 210,400 females (47.2 per cent). The sex ratio was 111.7 males for every 100 females.*
  
  - *Brunei Citizens accounted for the largest share of 76.0 per cent (338,300 persons), while the shares of the Permanent Residents and Temporary Residents were 5.8 per cent (25,800 persons) and 18.3 per cent (81,300 persons) respectively.*

- *The Brunei Muara District had the highest population of 322,400 persons (72.4 per cent) of the total population. This was followed by the Belait District with 66,100 persons (14.8 per cent), the Tutong District 47,400 persons (10.6 per cent), and the Temburong District 9,500 persons (2.1 per cent).*
  - *From the age distribution aspect, about 20.5 per cent (91,500 persons) of the total population were below 15 years of age, 73.0 per cent (325,200 persons) were in the working age group of 15-64 years, and 6.4 per cent (28,700 persons) were aged 65 years and over. The median age in 2022 was 32.0 years compared to 31.7 years in 2021.*
  - *The Malays formed the largest community in the country with a share of 73.5 per cent (327,300 persons) of the total population. The racial groups of Chinese and others comprised 9.5 per cent (42,300 persons) and 17.0 per cent (75,800 persons) of the total population respectively.*
3. *The Report of the Population Estimates 2022 is available from JPES's website. For any enquiries on this matter, please refer to JPES by contacting the lines or browsing through the website below:*

<i>Telephone</i>	:	2233344 (working hours)
<i>E-mail</i>	:	<a href="mailto:info.statistics@jpes.gov.bn">info.statistics@jpes.gov.bn</a>
<i>Website</i>	:	<a href="http://deps.mofe.gov.bn">deps.mofe.gov.bn</a>